

21/01/2001

Penutupan jejas hasrat kerajaan

Habsah Dinin; Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR: Cadangan Universiti Malaya mahu menutup Pusat Asasi Sains mulai April ini tidak mencerminkan kehendak kerajaan untuk melahirkan lebih ramai ilmuan sains Bumiputera terutama Melayu.

Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda Umno, Dr Adham Baba, berkata pihaknya merasakan satu kerugian besar kepada Bumiputera kerana sebelum ini pusat itu banyak melahirkan cendekiawan, pakar perubatan dan tokoh politik tanah air berwibawa termasuk Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Mohd Khir Toyo," katanya, kepada Berita Minggu di sini, semalam.

Beliau berkata, isu itu juga mendapat reaksi berbeza daripada Naib Canselornya, Datuk Dr Anuar Zaini dan Kementerian Pendidikan.

Katanya, kementerian memberitahu penutupan Pusat Asasi Sains itu bergantung kepada keputusan UM, namun UM pula menjelaskan, itu adalah arahan daripada menteri sendiri.

Sehubungan itu, semua bekas pelajar Pusat Asasi Sains akan menghantar memorandum terus kepada kementerian dan pihak pentadbiran universiti sebagai bantahan terhadap keputusan yang diambil.

"Kami sanggup berkumpul di ruang legar Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dalam waktu terdekat sebagai menggambarkan bantahan kami.

"Alasan menutupnya tidak boleh diterima. Sepatutnya ia dipertingkatkan lagi bagi menyaingi kewujudan pusat pengajian tinggi swasta yang banyak.

"Sepatutnya pusat ini diselaraskan di bawah Pusat Matrikulasi yang pada sama diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Adham berkata, tindakan menutup pusat itu kerana mahu mengelakkan kerugian bukan satu tindakan bijak.

"Selain itu, pelajar asasi sains tidak mengalami kejutan budaya apabila memulakan pengajian pada tahun pertama di universiti. Mereka juga boleh menyesuaikan diri dengan persekitaran universiti mahupun dari segi penggunaan peralatan makmal, perpustakaan dan sebagainya," katanya.

Kelmarin, sebuah akhbar berbahasa Melayu melaporkan UM bercadang menutup Pusat Asasi Sains yang ditubuhkan sejak 1977, mulai April ini.

Pusat Asasi Sains itu ditubuhkan setelah diilhamkan oleh bekas Naib Canselornya, Profesor Diraja Ungku Aziz dan mendapat restu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu adalah Menteri Pendidikan.

Objektif asal penubuhannya adalah untuk mengimbangi kemampuan pelajar Melayu untuk bersaing dengan bukan Melayu dalam semua bidang berteraskan sains di UM.

(END)